

Rafidah yakin BN boleh menang dengan majoriti mudah
Malaysian Insider
April 4,2013
Oleh Md Izwan

UALA LUMPUR, 4 April — Tan Sri Rafidah Aziz berkata Barisan Nasional (BN) boleh memenangi Pilihan Raya 2013 dengan majoriti mudah tapi kemenangan dua pertiga masih lagi diluar jangkauan.

Bekas Ketua Wanita Umno itu (gambar) berkata beberapa faktor perlu diambil kira dalam pilihan raya nanti, terutamanya masalah sabotaj.

“Saya yakin BN dapat menang majoriti,” kata Rafidah semasa ditemui di lobi bangunan Umno, PWTC, di sini hari ini.

“Tapi majoriti dua pertiga kita masih perlu menghalusi mana-mana tempat yang boleh kita pastikan kemenangan.”

Beliau juga percaya rakyat sudah menyedari kesilapan yang mereka lakukan dahulu apabila memilih pembangkang dalam Pilihan Raya 2008

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rafidah-yakin-bn-boleh-menang-dengan-majoriti-mudah/>